

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 06 Jun 2017 10:56
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Faudziah Bt Zainal Abidin; Prof. Madya Dr. Nor Azam bin Abdul Razak
Subject: JERAYAWARA PELAN STRATEGIK 2017 (FASA II: 2016-2020) KEPADA UUM CAS
Importance: High



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

06 JUN 2017/ 11 RAMADHAN1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

JERAYAWARA PELAN STRATEGIK 2017 (FASA II:2016-2020) KEPADA UUM CAS



IPQ ONLINE: Bahagian Perancangan Korporat (BPK), Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) dengan kerjasama UUM CAS telah menganjurkan Jerayawara Pelan Strategik 2017 (Fasa II:2016-2020) pada 5 Jun 2017

bertempat di Dewan Seminar CAS. Taklimat disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Nor Azam bin Abdul Razak, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan Korporat, IPQ.

Bagi tahun 2017, Pelan Strategik UUM terdiri daripada empat Teras, lapan Bidang Keberhasilan Utama, 13 Strategi, 17 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan 201 Petunjuk Prestasi (PIs) yang dibangunkan untuk mencapai agenda utama Universiti seperti QS Rankings, QS Rating, Times Higher Education dan UI GreenMetric di peringkat global, manakala agenda nasional seperti Universiti Penyelidikan (RU)/MyRA, SETARA, MyMOHES dan PPPM-PT.

Taklimat hampir dua jam itu dihadiri oleh Penolong Naib Canselor, para dekan serta warga akademik dan pentadbiran UUM CAS. Taklimat bertujuan memberi pendedahan kepada semua staf berkenaan Pelan Strategik Fasa II: 2016-2020, khususnya bagi tahun 2017. Dalam taklimat tersebut, penekanan diberikan kepada *Performance Indicator* (PI) berkaitan penyelidikan, penerbitan dan perundingan yang berkait rapat dengan peranan tenaga akademik.


Berdasarkan pencapaian tahun 2016, terdapat beberapa KPI yang perlu diberi perhatian pada tahun 2017 antaranya berkaitan dengan penyelidikan, penerbitan, *career pathways* UUM dan penjanaan kekayaan.

Oleh yang demikian, warga UUM disaran untuk terus sama-sama berusaha dalam mencapai sasaran yang ditetapkan pihak Pengurusan.

Pada masa yang sama, Prof. Dr. Zurni bin Omar, Prof. Madya Dr. Hisham bin Dzakiria, Dr. Nor Laily binti Hashim, Prof. Madya Dr. Suzilah binti Ismail dan Dr. Bahtiar bin Mohamad, diumumkan sebagai *Top 5* penulis yang paling banyak menyumbang artikel yang diindeks oleh Scopus/WoS. Manakala Prof. Dr. Ku Ruhana binti Ku Mahamud, Prof. Dr. Norshuhada binti Shiratuddin dan Prof. Madya Dr. Fauziah binti Baharom diumumkan sebagai *Top 3* ketua penyelidik bagi geran penyelidikan.

Turut hadir bagi taklimat tersebut adalah Prof. Madya Dr. Faudziah Zainal Abidin, Pengarah Bahagian, IPQ. Sesi jerayawara Pelan Strategik seterusnya akan melibatkan UUM COB dan PTJ.

HABIS



Institut Pengurusan Kualiti | Universiti Utara Malaysia | 08010 | UUM Sintok | Kedah Darul Aman | Malaysia
Tel : +04 - 928 4651/55 | Fax : +04 - 928 4660 | Email : ipq@uum.edu.my | Website : www.ipquum.edu.my | Facebook : Institut Pengurusan Kualiti-IPQUUM



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.